

PUBLIC e-ENHANCED MONEY MARKET FUND (PUBLIC DANA e-DIPERKASA PASARAN WANG) (PeEMMF)

PENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Helaian Penting Produk ini telah diteliti dan diluluskan oleh pengarah-pengarah Public Mutual Berhad dan mereka secara bersama dan berasingan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas ketepatan maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang ketinggalan yang akan menjadikan sebarang kenyataan di dalam Helaian Penting Produk ini palsu atau mengelirukan.

PENYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan/mengiktiraf penerbitan PeEMMF dan satu salinan Helaian Penting Produk ini telah diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran yang diberikan untuk PeEMMF dan penyerah simpanan Helaian Penting Produk ini, tidak harus dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan PeEMMF, atau bertanggungjawab untuk ketepatan kenyataan atau pendapat atau laporan yang dinyatakan di dalam Helaian Penting Produk ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketakdedahan bagi pihak Public Mutual Berhad, yang bertanggungjawab untuk PeEMMF dan tidak mengambil tanggungjawab ke atas kandungan Helaian Penting Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mengesahkan ketepatan atau kesempurnaan Helaian Penting Produk ini, dan secara jelas menolak sebarang liabiliti yang terbit daripada atau bersandarkan kepada seluruh atau mana-mana bahagian kandungannya.

Helaian Penting Produk ini adalah terjemahan daripada versi Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan kandungan, Helaian Penting Produk versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad.

HELAIAN PENTING PRODUK

Helaian Penting Produk (PHS) ini hanya memaparkan ciri-ciri utama dan risiko dana amanah saham ini. Pelabur adalah dinasihatkan untuk meminta, membaca dan memahami prospektus dana sebelum membuat keputusan melabur.

MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

Apakah produk ini?

Jenis produk	Dana amanah saham
Modal dilindungi atau dijamin	Tidak
Pengurus dana	Public Mutual Berhad
Pemegang amanah dana	AmanahRaya Trustees Berhad
Pengedar dana	Perunding amanah saham Public Mutual Berhad dan Penasihat Skim Amanah Saham Institusi (IUTA), iaitu Public Bank Berhad

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

Apakah yang saya melabur?

Kategori dana	Pasaran wang	
Objektif dana	Untuk menyediakan kecairan dan pendapatan* di samping mengekalkan kestabilan modal. <i>Nota: * Agihan (jika ada) akan dilaburkan semula kecuali jika pemegang unit memilih agar agihan dibayar kepada mereka, tertakluk kepada terma dan syarat.</i>	
Alokasi aset	Instrumen pasaran wang, sekuriti pendapatan tetap dan deposit	Sehingga 100% daripada nilai aset bersih (NAB)
	Dana ini boleh melabur sehingga 20% daripada NABnya dalam sekuriti pendapatan tetap tidak bertaraf.	
	Aset asing	Tiada
Lokasi aset	Malaysia	

KESESUAIAN PRODUK

Siapakah yang sesuai untuk dana ini?

Profil pelabur	Dana ini sesuai untuk pelabur jangka pendek yang inginkan pemeliharaan modal. <i>Nota: Jangka pendek merujuk kepada tempoh kurang daripada 3 tahun. Dana ini bukan dana jaminan modal atau lindungan modal.</i>
-----------------------	--

RISIKO-RISIKO UTAMA

Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?

Risiko kadar faedah	Risiko kadar faedah merujuk kepada kesan perubahan kadar faedah ke atas penilaian sekuriti pendapatan tetap dan aset cair. Apabila kadar faedah meningkat, harga sekuriti pendapatan tetap pada umumnya akan merosot dan ini akan mengurangkan nilai pasaran pelaburan dana di dalam sekuriti pendapatan tetap. Keadaan bertentangan akan berlaku apabila kadar faedah jatuh. Pulangan pelaburan dana dalam aset cair bergerak selaras dengan kadar faedah. Penurunan kadar faedah akan mengurangkan pulangan dari pelaburan dana dalam aset cair. Sebagai contoh, apabila kadar faedah jatuh, penempatan deposit akan dilaburkan semula pada kadar faedah yang lebih rendah dan mengakibatkan pulangan yang lebih rendah kepada dana.
Risiko kredit	Risiko kredit berkaitan dengan kedudukan kredit penerbit sekuriti atau aset cair yang bergantung kepada kemampuan penerbit untuk membuat pembayaran faedah dan/atau prinsipal tepat pada masanya. Sekiranya penerbit sekuriti atau aset cair mungkir dalam pembayaran faedah dan/atau prinsipal, nilai dana mungkin akan terjejas. Sebagai tambahan kepada bon bertaraf, dana juga boleh melabur dalam bon tidak bertaraf yang tidak ditaraf oleh agensi penarafan luaran.
Risiko kecairan	Risiko kecairan merujuk kepada kemudahan untuk mencairkan aset bergantung kepada jumlah aset yang diniagakan di pasaran. Jika dana memegang aset yang tidak cair atau yang sukar untuk dilupuskan, nilai dana akan menerima kesan negatif apabila aset tersebut terpaksa dijual pada harga yang kurang memuaskan.

Anda dinasihatkan untuk membaca prospektus dana dan memahami risiko yang terlibat dan, jika perlu, berunding dengan penasihat profesional anda sebelum melabur.

YURAN & CAJ

Apakah yuran dan caj yang terlibat?

Caj jualan	Tiada
Caj penebusan	Tiada
Caj pemindahan	Sehingga RM50 setiap pemindahan.
Yuran pengurusan	0.375% setahun daripada NAB.
Yuran pemegang amanah	0.02% setahun daripada NAB, tertakluk kepada yuran minimum sebanyak RM18,000 dan yuran maksimum sebanyak RM300,000 setahun.

Nota: Yuran dan caj di atas mungkin tertakluk kepada sebarang cukai dan/atau duti yang dikenakan (jika ada) yang perlu dibayar oleh anda.

Terdapat yuran dan caj yang terbabit dan anda dinasihatkan mempertimbangkannya sebelum membuat pelaburan dalam dana.

PeEMMF

PRESTASI PeEMMF

Jumlah Pulangan bagi tempoh berikut berakhir 30 November 2019

	Sejak Permulaan*
PeEMMF (%)	1.60
Indeks penanda aras (%)**	1.42

Jumlah Pulangan Tahunan bagi Tempoh Kewangan Berakhir 30 November

	2019*
PeEMMF (%)	1.60
Indeks penanda aras (%)**	1.42

Ulasan Prestasi Dana

PeEMMF mencatatkan jumlah pulangan sebanyak +1.60% bagi tempoh kewangan berakhir 30 November 2019 berbanding dengan pulangan penanda aras sebanyak +1.42% dalam tempoh yang sama.

Nota:

* Angka yang ditunjukkan ialah untuk tempoh sejak permulaan dana (29 Mei 2019).

** Penanda aras dana ialah indeks komposit 90% kadar deposit tetap 1 Bulan Public Bank dan 10% Kadar Simpanan Public Bank Akaun ACE.

Pengiraan pulangan di atas adalah berasaskan NAB kepada NAB, dan sumbernya diperolehi daripada Lipper.

Pulangan tahunan purata dana diperolehi dengan membahagikan jumlah pulangan dana dengan bilangan tahun bawah kajian.

Tiada pulangan tahunan purata untuk tempoh melebihi satu (1) tahun kerana tempoh sejak permulaan dana adalah kurang daripada satu (1) tahun.

Tarikh permulaan ialah hari terakhir tempoh tawaran awal.

Nisbah Pusing Ganti Portfolio (PTR)

	2019
PTR (kali)	0.21

Dana mencatatkan PTR sebanyak 0.21 kali bagi tempoh kewangan berakhir 2019. Tiada angka perbandingan kerana ini adalah tempoh kewangan pertama dana sejak ia dimulakan pada 29 Mei 2019.

Agihan

	2019
Agihan kasar seunit (sen)	1.00
Agihan bersih seunit (sen)	1.00

Agihan adalah dalam bentuk tunai.

PRESTASI DANA PADA MASA LALU TIDAK MENJADI PETUNJUK UNTUK PRESTASI MASA HADAPAN.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Penilaian

NAB dana ini dikira dan harga unit disiarkan pada setiap hari urus niaga di www.publicmutual.com.my.

Pembelian dan penebusan unit

Anda boleh membeli dan menebus unit dana pada mana-mana hari urus niaga pada NAB dana yang ditentukan seterusnya.

Pelaburan permulaan

- Pelaburan permulaan minimum*: RM100.
- Untuk membuka akaun, anda mesti menjadi pelanggan Public Mutual Online (PMO).
- Sekiranya anda bukan pelanggan PMO, sila hantarkan borang Permohonan Perkhidmatan PMO secara peribadi di mana-mana pejabat cawangan Public Mutual Berhad. Sebagai alternatif, anda juga boleh mendaftar untuk perkhidmatan PMO secara dalam talian di laman web kami atau melalui kiosk Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami yang terletak di Pusat Perkhidmatan Pelanggan/cawangan terpilih.
- Sekiranya anda berhenti menjadi pelanggan PMO, Pengurus boleh menebus keseluruhan akaun dana anda.
- Untuk pelabur kali pertama Public Mutual Berhad, anda dikehendaki mengisi borang pelabur baharu.

Pelaburan tambahan

- Pelaburan tambahan minimum*: RM10.
- Anda boleh melabur secara berkala melalui PMO, arahan debit terus kepada bank atau dengan membuat deposit cek ke dalam akaun kutipan yang terdapat di Public Bank Berhad.

Nota: * Pengurus boleh mengubah jumlah minimum pelaburan permulaan dan tambahan dari masa ke semasa.

**Bagaimana Anda Perlu Menulis Cek****Pelabur Individu**

Cek mestilah dibayar kepada:

Pelaburan Permulaan

"Public Mutual Berhad - Nombor Kad Pengenalan Baharu Pemegang Pertama".

Pelaburan Tambahan

"Public Mutual Berhad - Nombor Akaun Dana yang Disasarkan" atau

"Public Mutual Berhad - Nombor Kad Pengenalan Baharu Pemegang Pertama".

Bagi pelabur korporat, cek bagi pelaburan permulaan mestilah dibayar kepada ***"Public Mutual Berhad – Nombor Pendaftaran Syarikat Anda"***. Cek bagi pelaburan tambahan mestilah dibayar kepada ***"Public Mutual Berhad – Nombor Akaun Dana yang Disasarkan atau Nombor Pendaftaran Syarikat Anda"***.

Sila tulis nama, nombor kad pengenalan baharu/nombor passport/nombor pendaftaran syarikat dan nombor telefon anda di belakang cek.

Hak bertenang

- Hanya untuk pelabur kali pertama Public Mutual Berhad.
- Permintaan anda mesti dihantar sama ada kepada pejabat cawangan Public Mutual Berhad atau Public Bank Berhad atau Ibu Pejabat Public Mutual Berhad dalam tempoh 6 hari urus niaga dari tarikh borang permohonan pelaburan dan bayaran diterima oleh Public Mutual Berhad.
- Bayaran balik penuh akan dibayar dalam tempoh 10 hari dari tarikh pelaksanaan hak ini.
- Bayaran balik bagi setiap unit yang dipegang adalah jumlah harga unit pada hari unit dibeli dan caj jualan (dan sebarang cukai dan/atau duti yang dikenakan, jika ada) yang dikenakan pada hari unit dibeli.
- Perbadanan atau institusi, kakitangan Pengurus dan sesiapa yang berdaftar untuk mengurus niaga dalam dana amanah saham tidak layak untuk hak bertenang ini.

Pembelian dan penebusan unit (samb')

Penebusan

- Unit penebusan minimum: 100 unit.
- **Sekiranya anda melaksanakan permohonan penebusan anda menggunakan PMO dan memberikan kami butiran akaun bank anda, hasil penebusan anda akan dibayar pada hari perniagaan berikutnya (tertakluk kepada pelepasan bank).** Jika sebaliknya, hasil penebusan anda akan dibayar dalam tempoh 10 hari.
- Jika penebusan separa menyebabkan baki di dalam akaun anda dengan dana kurang daripada 100 unit, Pengurus boleh menebus keseluruhan akaun.

e-Penyata dan e-Laporan

Semua penyata transaksi, penyata tahunan dan interim pelaburan termasuk penyata agihan dan laporan akan disediakan kepada anda melalui PMO. **Tiada salinan penyata dan laporan bercetak akan dihantar kepada anda.**

ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI UNTUK PELABURAN



PERUNDING AMANAH SAHAM DAN KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD TIDAK DIBENARKAN MENERIMA PELABURAN DALAM BENTUK TUNAI DALAM APA JUA KEADAAN.

Public Mutual Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang ditanggung sekiranya anda memberi wang tunai kepada perunding amanah saham atau kakitangan kami.



ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI KEPADA PERUNDING AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.



ANDA DILARANG MENGELUARKAN CEK DI ATAS NAMA PERUNDING AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.

APA YANG ANDA PERLU TAHU

Dana ini bukan dana jaminan modal atau lindungan modal.

Harga unit dan agihan boleh bayar, jika ada, mungkin turun atau naik.

Prestasi dana pada masa lalu tidak menjadi petunjuk untuk prestasi masa hadapan.

Apabila pecahan unit atau agihan diisytiharkan, berikutan isu pecahan unit dan/atau agihan, NAB seunit akan berkurangan dengan sewajarnya bagi mencerminkan/menyatakan pecahan unit dan/atau agihan tersebut.

Apabila pecahan unit diisytiharkan, nilai pelaburan dalam sebutan Ringgit Malaysia tidak akan berubah selepas pengagihan unit-unit tambahan.

MAKLUMAT HUBUNGAN

Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut mengenai dana?

Untuk maklumat berkaitan dana, anda boleh berunding/menghubungi:

- Perunding amanah saham atau wakil korporat Public Bank Berhad yang berdaftar dengan Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM);
- Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Mutual Berhad di 03-2022 5000;
- Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Bank Berhad di 1-800-22-9999; atau
- E-mel kami di customer@publicmutual.com.my.

Siapakah yang perlu saya hubungi untuk membuat aduan?

1. Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2022 5000 atau 1-800-22-9999.
2. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC):
 - (a) melalui telefon kepada : 03-2282 2280
 - (b) melalui faks kepada : 03-2282 3855
 - (c) melalui e-mel kepada : info@sidrec.com.my
 - (d) melalui surat kepada : Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC)
Unit A-9-1, Level 9, Tower A
Menara UOA Bangsar
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur
3. Anda juga boleh membuat aduan terus kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC. Untuk membuat aduan, sila hubungi Pejabat Pengguna & Pelabur SC:
 - (a) melalui telefon kepada Aduan Hotline di : 03-6204 8999
 - (b) melalui faks kepada : 03-6204 8991
 - (c) melalui e-mel kepada : aduan@seccom.com.my
 - (d) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di www.sc.com.my
 - (e) melalui surat kepada : Pejabat Pengguna & Pelabur
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
No. 3, Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur
4. Biro Aduan FIMM:
 - (a) melalui telefon kepada : 03-2092 3800
 - (b) melalui faks kepada : 03-2093 2700
 - (c) melalui e-mel kepada : complaints@fimm.com.my
 - (d) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di www.fimm.com.my
 - (e) melalui surat kepada : Legal, Secretarial & Regulatory Affairs
Federation of Investment Managers Malaysia
19-06-01, 6th Floor Wisma Tune
No. 19 Lorong Dungun
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

PHS ini akan dikemaskini pada 26 Februari 2021. Anda boleh merujuk kepada laman web kami di www.publicmutual.com.my untuk PHS yang telah dikemaskini.